

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION  
BIN ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudahkah semua anggota jemaah menteri dan ahli-ahli "*backbenchers*" mengistiharkan harta. Jika belum bila akan dilakukan.

**JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 29 Julai 2020 seramai 29 orang Jemaah Menteri telah mengemukakan sesalinan perisytiharan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Manakala bagi ahli-ahli *backbenchers* pula, SPRM belum menerima sepenuhnya sesalinan borang perisytiharan harta daripada mereka.

2. Pada masa ini, paparan pengisytiharan harta melalui laman web SPRM hanya akan dibuat setelah Kerajaan memutuskan satu kaedah baru dalam pemaparan mengenai jumlah harta/pendapatan yang telah diisytiharkan. Sekian, terima kasih.